

# 'Jangan nak makan gaji saja'

Sinar Harian (Umpus) 21 Feb 2018 (RABU) M/S: 34

DIANA SURYA ABD WAHAB

Mahasiswa digalakkan jadi usahawan

**PEKAN** - Mahasiswa universiti tidak sepatutnya bergantung kepada kerja makan gaji semata-mata setelah menamatkan pengajian malah perlu diberi galakan untuk menjadi usahawan.

Yang Dipertua Persatuan Suri dan Anggota Wanita Perkhidmatan Awam Malaysia (Puspanita), Puan Sri Rohani Abdullah berkata, kerana terlalu memilih pekerjaan, maka ramal juga yang menganggur sedangkan bidang keusahawanan juga mendatangkan

peluang baik jika diusahakan dengan betul. "Namun apabila menceburkan diri di dalam perniagaan sewaktu belajar ini, pelajar perlu pandai membahagikan masa mereka.

"Mahasiswa diingatkan juga jangan pula abaikan pelajaran walaupun sibuk dalam berniaga," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap di Majlis Perasmian Penutupan Seminar Ekspedisi Perniagaan Digital di **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** kampus Pekan, di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden Persatuan Wanita

UMP (Matahari), Prof Datin Miri Sakinah Abd Muna'im dan Pengerusi Puspanita Pahang, Datin Seri Jamilah Zainal Abidin.

Dalam pada itu, menurutnya, Puspanita sebagai rakan strategik perkhidmatan awam amat menyokong program berbentuk keilmuan dan pengetahuan seperti seminar yang selari dengan matlamat pelan Tindakan Strategik Puspanita.

"Untuk makluman, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menyediakan peluang keusahawanan secara digital.

"Antaranya melalui

peruntukan RM100 juta bagi program eRezeki, eUsahawan dan eLadang di bawah Malaysia Digital Economy Corporation SDN BHD (MDEC).

"Justeru, ia amat bersesuaian dengan objektif program pada hari ini (semalam) di mana topik-topik yang dikupas dapat membawa semua peserta meneroka laluan untuk memulakan perniagaan terutama berbentuk digital selari dengan perkembangan semasa hari ini," katanya.

Rohani juga berharap, peserta seminar dapat memanfaatkan ilmu dan pengetahuan melalui sesi ceramah yang disediakan sepanjang program berlangsung.

Rohani Abdullah (dua, kiri) menunjukkan buku 70 Teknik Pemasaran Digital pada Majlis Perasmian Penutupan Seminar Ekspedisi Perniagaan Digital di UMP, kampus Pekan, di sini, semalam.

